



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Rugi RM88,000 diperdaya kes '1MDB'  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 19 August 2020

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 11

# Rugi RM88,000 diperdaya kes '1MDB'



**MANGSA** telah membuat transaksi deposit ke dua akaun bank dalam tempoh 10 hari sebelum menyedari ditipu. – GAMBAR HIASAN

Oleh ROSLLIZA MOHAMED

**KOTA BHARU** – Seorang warga emas wanita mengalami kerugian sebanyak RM88,000 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang mendakwa dia terlibat dalam kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam kejadian di Kuala Krai dekat sini bulan lalu.

Mangsa yang berusia 70-an tampil membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Krai dua hari lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Kelantan, Superintendan Ahmad Azizul Mohamed berkata, mangsa telah menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis pada akhir bulan lalu.

Menurutnya, dalam perbualan

itu, suspek menyatakan bahawa satu bungkusan kononnya telah dipos oleh mangsa ke Kota Kinabalu yang mengandungi kad pengenalan dan beberapa keping kad bank yang mempunyai kaitan dengan kes 1MDB.

"Suspek mengarahkan mangsa untuk membuat laporan polis dalam masa dua jam dan sekiranya gagal, suspek akan membuat tangkapan.

"Suspek juga memperdayakan mangsa untuk membuat laporan secara dalam talian tanpa pergi ke balai polis," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Ahmad Azizul, mangsa yang takut dengan panggilan itu telah mengikut arahan tersebut dengan mendedahkan semua akaun bank yang miliknya.

Katanya, suspek meminta mangsa mengeluarkan wang dan

memindahkan ke akaun bank pihak ketiga dengan alasan untuk proses audit terhadap akaun banknya.

"Mangsa telah membuat beberapa transaksi deposit wang berjumlah RM88,000 ke dua akaun bank yang diberikan suspek dalam tempoh 10 hari.

"Curiga dan merasa tertipu dengan transaksi yang dilakukan, mangsa telah tampil membuat laporan polis pada 16 Ogos lalu," katanya.

Ahmad Azizul berkata, orang ramai digalakkan untuk memuat turun aplikasi Semak Penipu CCID pada telefon pintar untuk membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang pernah digunakan dalam kes jenayah komersial.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.